



**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**  
**BIL 1/2022**

|     |                              |                          |   |   |
|-----|------------------------------|--------------------------|---|---|
| 1.0 | (a)                          | Jawatan                  | : | <b>PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N19</b>  |
|     | (b)                          | Agensi                   | : | Lembaga Pelabuhan Bintulu   |
|     | (c)                          | Kumpulan Perkhidmatan    | : | Pelaksana   |
|     | (d)                          | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran dan Sokongan (N)  |
|     | (e)                          | Bilangan Kekosongan      | : | <b>Satu (1)</b>   |
|     | (f)                          | Penempatan               | : | Lembaga Pelabuhan Bintulu   |
| 1.1 | Jadual Gaji Minimum-Maksimum |                          | : | <b>Gaji Minimum</b><br>RM 1,352.00 <b>Gaji Maksimum</b><br>RM 4,003.00  |
| 1.2 | Syarat Lantikan              |                          | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut:   |
|     |                              |                          | : | <ul style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</li><li>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,352.00); atau</li><li>     (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,408.40); atau</li><li>     (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan nya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,464.80)</li></ul> |



**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**  
**BIL 1/2022**

|     |   |   |  |
|-----|---|---|--|
| 1.3 | Syarat Kelayakan Bahasa Melayu                      | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  |
| 1.4 | Penetapan Gaji Permulaan                            | : | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N19 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.  |
| 1.5 | Taraf Jawatan                                       | : | <b>KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)</b>   |
| 1.6 | Tempoh Kontrak                                      | : | <b>Enam (6) bulan</b>  |
| 1.7 | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.   |
| 1.8 | Skop Bidang Tugas                                   | : | Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). |



## LEMBAGA PELABUHAN BINTULU BIL 1/2022

### Cara Memohon:

- a. Maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut diatas boleh didapati dari laman web rasmi LPB <http://www.bpa.gov.my>.
- b. Pemohon hendaklah dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Jawatan LPB yang boleh diperolehi dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Aras 9 Lembaga Pelabuhan Bintulu atau boleh dimuat-turun melalui laman web rasmi LPB <http://www.bpa.gov.my>. Penggunaan Borang Permohonan yang telah disalin semula (photostate) turut dibenarkan.
- c. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut kehendak-kehendak P.U.(A) 1/2012, perenggan 18 dengan mengemukakan Penyata Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Sulit termasuk LNPT untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- d. Permohonan hendaklah mencatitkan Jawatan yang Dipohon dibelah sudut kanan sampul surat.
- e. Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **14 Jun 2022 (5.00 petang)**.
- f. Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikuti peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menjurat tidak akan dilayan.
- g. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad. LPB tidak akan bertanggungjawab di atas segala perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.
- h. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya; dan
- i. Tempoh sah laku permohonan adalah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan.
- j. Untuk urusan maklumbalas permohonan, pemohon hendaklah menyertakan sampul surat beralamat sendiri dan setem.

Semua permohonan hendaklah dialamatkan dan dihantar ke alamat:

Pengurus Sumber Manusia  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Lembaga Pelabuhan Bintulu  
Aras 9, Menara Kidurong, 97007 Bintulu Sarawak